

PROSEDUR

**KEHAKIMAN KEBANGSAAN
PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MALAYSIA**

PERINGKAT KEHAKIMAN

Hakim diatur berperingkat seperti berikut:

- World Archery
 - World Archery International Judge (IJ)
 - World Archery International Judge Candidates (IJc)
 - World Archery Youth Judge (YJ)
 - Judge Emeritus (JE)
- World Archery Asia
 - Continental Judge (CJ)
- Malaysia
 - State Judge/ Hakim Negeri (SJ)
 - National Judge Candidate (NJc)
 - National Judge/ Hakim Kebangsaan (NJ) – 140 orang sahaja.
(dalam tempoh 3 tahun akan berkurang ke 114 berdasarkan kiraan 6 NJ setiap ahli gabungan)
 - Judge Emeritus/ Hakim Emeritus (JE)

JUDGE EMERITUS/ HAKIM EMERITUS (JE)

Judge Emeritus/ Hakim Emeritus (JE) adalah hakim yang telah melebihi umur 65 tahun dan telah berkhidmat dengan cemerlang (selepas diambil prestasi menerusi penapisan Pengerusi Kehakiman NAAM).

JE masih lagi boleh bertugas di peringkat kebangsaan sebagai TD, COJ, DOS dan JURI.

NATIONAL JUDGE/ HAKIM KEBANGSAAN (NJ)

National Judge/ Hakim Kebangsaan layak untuk berkhidmat di kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan di dalam Malaysia.

Kuota untuk National Judge/ Hakim Kebangsaan adalah seramai 140 orang sahaja.

Had umur untuk National Judge/ Hakim Kebangsaan adalah dari 18 tahun hingga 65 tahun.

Untuk melayakkan diri sebagai national judge/ hakim kebangsaan adalah secara penilaian yang dilakukan oleh panel kehakiman kebangsaan sekiranya terdapat kekosongan pada kuota NJ.

NATIONAL JUDGE CANDIDATE/ CALON HAKIM KEBANGSAAN (NJc)

National Judge Candidate/ Calon Hakim Kebangsaan layak untuk berkhidmat di kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan di dalam Malaysia.

Untuk melayakkan diri sebagai National Judge Candidate/ Calon Hakim Kebangsaan, mestilah menghadiri dan lulus 75% dan keatas Kursus Kehakiman Kebangsaan.

Had umur untuk National Judge/ Hakim Kebangsaan adalah dari 18 tahun hingga 65 tahun.

Setiap hakim perlu menghadiri kursus ulangkaji dalam tempoh 3 tahun untuk membolehkan mereka berkhidmat dalam tempoh 3 tahun mendatang memperbaharui lesen. Sekiranya tidak hadir maka, beliau tidak akan dipanggil untuk bertugas sehinggalah telah memperbaharui atau menghadiri kursus ulangkaji dalam tempoh setahun. Jika gagal untuk hadir hakim tersebut akan digugurkan taraf ke Hakim Negeri.

STATE JUDGE/ HAKIM NEGERI (SJ)

State Judge/ Hakim Negeri layak untuk berkhidmat di kejohanan-kejohanan peringkat terbuka dan ke bawah di dalam negeri masing-masing sahaja.

Untuk melayakkan diri sebagai state judge/ hakim negeri, mestilah menghadiri dan lulus di antara 50% hingga 74% Kursus Kehakiman Kebangsaan.

Had umur untuk National Judge/ Hakim Kebangsaan adalah dari 18 tahun hingga 65 tahun.

Untuk hakim negeri menaik taraf sebagai National Judge Candidate/ Calon Hakim Kebangsaan, beliau perlu menghadiri dan mengikuti semula kursus kehakiman kebangsaan dan lulus 75% ke atas.

KURSUS KEHAKIMAN DIBAWAH TANGGUNGJAWAB PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MALAYSIA

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) akan menganjurkan/ mengelola/ mengendalikan dan mengatur kursus-kursus kehakiman seperti di bawah:

1. Kursus Pengenalan Undang-undang & Keselamatan Sukan Memanah
2. Kursus Asas Kehakiman
3. Kursus Kehakiman Kebangsaan (SJ / NJc)
4. Kursus Akreditasi
5. Kursus Director of Shooting
6. Kursus Chairperson of Judges (Ketua Hakim)
7. Kursus Persediaan ke Peringkat Antarabangsa

TEMPOH KURSUS

JENIS KURSUS	TEMPOH JAM	TEMPOH HARI
Kursus Pengenalan Undang-undang & Keselamatan Sukan Memanah	8	1
Kursus Asas Kehakiman	16	2
Kursus Kehakiman Kebangsaan	28	3
Kursus Akreditasi	20	2
Kursus Director of Shooting	16	2
Kursus Chairperson of Judges (Ketua Hakim)	16	2

YURAN KURUS

JENIS KURSUS	YURAN
Kursus Pengenalan Undang-undang dan Keselamatan Memanah	RM 100.00
Kursus Asas Kehakiman	RM 150.00
Kursus Kehakiman Kebangsaan	RM 250.00
Kursus Akreditasi	RM 150.00
Kursus Director of Shooting	RM 100.00
Kursus Chairperson of Judges (Ketua Hakim)	RM 100.00
Kursus Persediaan ke Peringkat Antarabangsa	RM 100.00

Kadar yuran ini adalah yuran yang dikenakan oleh setiap peserta dan di bayar kepada NAAM. Yuran ini TIDAK termasuk tanggungan penyediaan tempat, alatan, makan, minum dan penginapan penceramah dan peserta. Sebarang penambahan yuran adalah tertakluk kepada pihak penganjur.

KELAYAKAN PESERTA

Pengenalan Undang-undang dan Keselamatan Sukan Memanah

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Warganegara Malaysia.
3. Sihat dari segi kesihatan fizikal dan mental.
4. Jawatankuasa Kehakiman NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkeelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.

Kursus Asas Kehakiman

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun hingga 62 tahun pada tahun semasa.
2. Warganegara Malaysia.
3. Sihat dari segi kesihatan fizikal dan mental.
4. Jawatankuasa Kehakiman NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkeelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.
5. Setiap pemohon wajib telah menghadiri Kursus Asas Undang-undang Sukan Memanah. Hanya sijil yang dikeluarkan oleh NAAM sahaja diterima.

Kursus Kehakiman Kebangsaan

1. Peserta hendaklah berumur 21 tahun hingga 62 tahun pada tahun semasa.
2. Warganegara Malaysia.
3. Sihat dari segi kesihatan fizikal dan mental.
4. Jawatankuasa Kehakiman NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkeelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.
5. Setiap pemohon wajib telah menghadiri Kursus Asas Kehakiman. Hanya sijil yang dikeluarkan oleh NAAM sahaja diterima.

Kursus Akreditasi

Setiap hakim (SJ/ NJ dan NJc) perlu menghadiri kursus ulangkaji dalam tempoh 3 tahun untuk membolehkan mereka berkhidmat dalam tempoh 3 tahun mendatang memperbaharui lesen. Sekiranya tidak hadir maka, beliau tidak akan dipanggil untuk bertugas sehinggalah telah memperbaharui atau menghadiri kursus akreditasi dalam tempoh 3 tahun selepas tamat tempoh lesen. Jika gagal untuk hadir hakim tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, akan digugurkan taraf.

1. Peserta adalah yang telah berstatus SJ/ NJc/ NJ.

Kursus Director of Shooting

1. Peserta adalah yang telah berstatus NJc/ NJ.

Kursus Chairperson of Judges (Ketua Hakim)

1. Peserta adalah yang telah berstatus NJ.

Kursus Persediaan ke Peringkat Antarabangsa

1. Peserta adalah yang telah berstatus NJ.

PENILAIAN KURSUS

JENIS KURSUS	KEHADIRAN	PRAKTIKA	PEPERIKSAAN	LULUS
Kursus Asas Undang-undang Memanah	100%	0%	0%	75%
Kursus Asas Kehakiman	10%	0%	90%	100%
Kursus Kehakiman Kebangsaan	10%	40%	50%	75 – 100% (NJC) 50 – 74% (SJ)
Kursus Ulangkaji (Refresher)	10%	40%	50%	100%
Kursus Director of Shooting	10%	60%	30%	100%
Kursus Chairperson of Judges (Ketua Hakim)	10%	60%	30%	100%
Kursus Persediaan ke Peringkat Antarabangsa	10%	20%	70%	100%

KEPUTUSAN KURSUS

Keputusan kursus akan dikeluarkan kepada peserta dan penganjur dalam tempoh sebulan. Sijil lulus kursus akan diedarkan melalui pos laju/ ekspres secara terus kepada peserta yang lulus. Keputusan akan dimaklumkan kepada setiap negeri yang mempunyai peserta yang lulus. Sekiranya ada bantahan hendaklah dibuat dalam masa 7 hari setelah keputusan dikeluarkan dengan yuran bantahan sebanyak RM 200.00.

PENGANJURAN KURSUS KEHAKIMAN MEMANAH

Jadual dibawah adalah kelayakkan untuk memohon menjadi penganjur kursus kehakiman memanah.

KURSUS	AHLI GABUNGAN	AHLI BERSEKUTU	KELAB
Asas	√	√	√
Kehakiman Kebangsaan	√	√	
Khas (NJc ke NJ)	√	√	
Kehakiman Kebangsaan			
Ulangkaji	√	√	
D.O.S.	√	√	
Ketua Hakim	√	√	

1. Mana-mana Ahli Gabungan/ Ahli Bersekutu/ Kelab yang ingin menganjurkan Kursus Kehakiman Memanah perlulah mengikut keperluan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh NAAM. Sekiranya berminat bolehlah membuat tawaran kepada Pengerusi Kehakiman NAAM melalui persatuan/ kelab masing-masing.
2. Tawaran mestilah dalam bentuk bertulis dan menyatakan butiran seperti berikut:
 - a. Mengisi borang permohonan penganjuran kursus.
 - b. Memilih tarikh dan tempat kursus.
 - c. Bakal Penganjur haruslah menjamin bahawa mereka akan menyediakan semua kemudahan dan mematuhi semua spesifikasi daripada NAAM.
 - d. Lain-lain keperluan dari NAAM.
3. Pemilihan dan keputusan permohonan sebagai penganjur akan dibuat oleh AJK Kehakiman NAAM.
4. Sekiranya penganjur yang telah diamanahkan/ diberi hak penganjuran, gagal/ tidak dapat menganjur haruslah dimaklumkan kepada NAAM sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh kursus. Jika gagal memaklumkan 1 bulan sebelum, NAAM berhak untuk menggantung Ahli Gabungan dari sebarang aktiviti NAAM seperti mesyuarat agong, menyertai pertandingan kebangsaan dan kursus-kursus anjuran NAAM.
5. Penganjur yang gagal untuk menganjur akan menanggung kesemua kos yang telah dikeluarkan dalam persediaan penganjuran kursus yang gagal dibuat.
6. Sekiranya Penganjur yang dilantik ingin menukar lokasi kursus, ianya boleh dilakukan sekiranya terdapat beberapa faktor yang munasabah dan mendapat persetujuan dari AJK Kehakiman NAAM. Sekiranya AJK Kehakiman NAAM menolak untuk menukar lokasi, Penganjur harus meneruskan menganjur di lokasi berkenaan atau hak penganjuran boleh ditarik balik. Jika diluluskan atau tidak diluluskan untuk menukar lokasi atau dibatalkan, perbelanjaan proses adalah tanggungjawab penganjur.
7. Panel/ Penceramah adalah dilantik oleh NAAM bagi kesemua kursus.

- Manual dan silibus kesemua kursus mestilah menggunakan manual dan silibus yang telah dikeluarkan oleh NAAM.

TANGGUNGJAWAB NAAM

- Menyediakan penceramah kursus (2-4 orang).
- Menyediakan modul pembelajaran dan manual (kecuali perlu di muat turun oleh peserta)
- Membayar elaun penceramah yang dilantik.
- Mengeluarkan sijil lulus kepada peserta.
- Mengeluarkan Sijil Penyertaan dan menguruskan pendaftaran & pembayaran peserta.

TANGGUNGJAWAB PENGANJUR.

- Menyediakan tempat kursus (lampiran 1).
- Menyediakan alatan kursus.
- Mengeluarkan surat jemputan.
- Penginapan dan makanan kepada penceramah dan wakil NAAM sepanjang kursus bermula sehari sebelum kursus bermula dan sehari selepas kursus tamat.

TANGGUNGJAWAB PESERTA

- Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri **KECUALI** dimaklumkan oleh pihak penganjur.
- Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
- Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
- Semua peserta kursus haruslah berpakaian **SUKAN**, kemas dan tidak mencolok mata.
- Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlungan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Semua peserta **DIWAJIBKAN** berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.
- Semua peserta **DIWAJIBKAN** untuk membawa peralatan kehakiman memanah sendiri (lampiran 2).
- Yuran perlu dijelaskan semasa pendaftaran pada hari pertama kursus.

KEROSAKAN/ KEHILANGAN SIJIL

Jika ada individu yang kehilangan atau kerosakan sijil, boleh memohon untuk penggantian sijil tersebut dengan caj-caj seperti berikut:

PERKARA	CAJ
Kali Pertama	RM 10.00
Kali Kedua	RM 30.00
Kali Ketiga atau Lebih	RM 50.00

TANGGUNGAN

Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.